BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAJIAN KES 5

Pegawai Perubatan Dr. Anisah binti Ali merupakan Pegawai Perubatan yang telah dilantik dalam perkhidmatan awam pada 16.09.2005. Beliau telah ditauliahkan sebagai pengamal perubatan dan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) mulai 03.02.2007. Pada Mesyuarat Naik Pangkat Bil. 6/2014, pegawai telah diluluskan kenaikan pangkat ke Gred UD52 berkuatkuasa pada 16.09.2015. Dr. Anisah telah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) selama 8 hari mulai 10.7.2014 hingga 17.7.2014. Unit Naik Pangkat kemudiannya dimaklumkan bahawa pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan (Patologi Hematologi) melalui tarikh warta pada 01.07.2014.

Soalan:

Berdasarkan maklumat warta kepakaran yang diterima, adakah berlaku perubahan ke atas urusan kenaikan pangkat pegawai ini di Gred UD52 dan nyatakan tarikh kenaikan pangkat pegawai ke Gred UD54.

Jawapan:

- Urusan kenaikan pangkat ke UD52 diselaraskan mengikut tarikh warta 01.07.2014 (genap 7 tahun berkhidmat atau warta pakar mana yang terkemudian)

- Urusan kenaikan pangkat ke UD54 diberikan mengikut genap tempoh 9 tahun berkhidmat dan diwartakan pakar. Kekananan pegawai berubah kepada 24.09.2005 (CTG 8 hari) dan kenaikan pangkat ke Gred UD54 berkuatkuasa pada 24.09.2014.

Sumber rujukan:

1. P.U.(A) 1/2012 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
3. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 – Kesan ke atas Perkhidmatan bagi Pegawai yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji
4. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA): Rujukan JPA(S)K.256/6/27 Klt.2 / s.k 2 (4) Bertarikh 3 Julai 2009 – Penetapan Wajaran Markah Prestasi Bagi Urusan Pemangkuan/Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam
5. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA): Rujukan JPA(S)NP134/8/1/ Klt.17(32) Bertarikh 9 Mac 2010 – Laluan Kerjaya Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia